

20/10/2001

Persiapan mantap hadapi kemelesetan

BELANJAWAN 2002 adalah pragmatik dan bertujuan memperkukuhkan ekonomi negara bagi menghadapi situasi ekonomi dunia yang tidak menentu terutama dengan apa yang berlaku di Amerika Syarikat, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Timbalan Perdana Menteri berkata, rancangan yang terkandung dalam belanjawan itu mampu memperkukuhkan ekonomi negara dengan menjana kegiatan ekonomi yang lebih hebat.

"Ekonomi negara begitu terdedah kepada situasi ekonomi di Amerika kerana 80 peratus daripada perdagangan kita menggunakan dolar Amerika.

"Apa yang dibentangkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad adalah pendekatan yang kita harap dapat melindungi ekonomi kita daripada kesan buruk yang boleh berlaku daripada kesan kemelesetan ekonomi dunia," katanya di lobi Parlimen selepas pembentangan belanjawan itu.

Sehubungan itu, Abdullah meminta rakyat supaya memberi sokongan penuh dengan menjayakan segala rancangan yang digariskan dalam belanjawan itu.

Beliau berkata, tanpa komitmen daripada rakyat, rancangan kerajaan untuk mengukuhkan semula ekonomi negara tidak mungkin dicapai.

"Apa yang penting kita memerlukan sokongan rakyat, kalau rakyat tidak sokong, tidak ada komitmen rakyat untuk menjayakan rancangan yang diberikan dengan bermacam insentif itu, tentu matlamat itu tidak akan dapat dicapai.

"Kalau matlamat belanjawan itu tidak dicapai, maka harapan untuk mengukuhkan ekonomi kita tentu juga tidak akan tercapai," katanya.

Abdullah juga mengingatkan peniaga supaya tidak mengambil kesempatan daripada insentif kewangan yang diberikan kepada rakyat untuk mengautkan keuntungan sewenang-wenangnya dengan menaikkan harga barangan dan perkhidmatan.

Justeru, beliau meminta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna meningkatkan usaha pemantauan dan penguatkuasaan bagi mencegah perbuatan itu yang boleh meningkatkan kadar inflasi.

"Saya harap pihak pekedai, pembekal perkhidmatan tidak akan cuba mencari keuntungan besar daripada situasi ini.

"Kita mahu supaya kadar inflasi dikekalkan pada tahap serendah mungkin," katanya.

(END)